Bayaran premium berdasarkan umur pada harijadi yang akan datang dan dibayar setiap tahun pada kadar yang ditentukan semasa pembaharuan. Premium yang diterbitkan di dalam Risalah dan Risalah Pemberitahuan Produk adalah untuk orang yang sihat sahaja dan premium tambahan mungkin dikenakan kepada orang yang kurang sihat. Kadar premium tahunan adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada perubahan.

PERMOHONAN YANG MUDAH

Permohonan adalah sangat mudah. Sesiapa yang berumur di antara sembilan belas (19) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun layak memohon **IHM - MediHealth**. Polisi ini boleh dilanjutkan kepada anak-anak tanggungan anda yang berumur dari tiga puluh (30) hari hingga sembilan belas (19) tahun [sehingga umur dua puluh tiga (23) tahun jika pelajar sepenuh masa].

PERKARA YANG TIDAK DILINDUNGI

Pelan-pelan ini tidak melindungi keadaan/penyakit yang sedia ada, gangguan mental psikotik atau saraf, rawatan berkaitan kelahiran anak, kecacatan sejak lahir, rawatan hospital khusus untuk tujuan penyiasatan, penyiasatan dan rawatan bagi gangguan tidur dan dengkur, perbelanjaan bagi pertukaran jantina, penyakit berkaitan AIDS dan HIV dan pembedahan plastik/kosmetik (kecuali apabila dimasukkan khususnya dalam tulisan).

IMPLIKASI MENUKAR POLISI

Salah satu keburukan adalah jika status kesihatan anda kurang baik kepada penginsurans baru, terma dan pengecualian baru mungkin akan dikenakan oleh penginsurans baru. Anda akan dikehendaki untuk melalui tempoh tangguh yang ditetapkan sebelum anda boleh membuat sebarang tuntutan.

Risalah ini bukan kontrak insurans. Maklumat lanjut mengenai perlindungan terdapat di dalam polisi. Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Produk untuk maklumat lanjut mengenai Syarat-syarat Pengeluaran dan Pengecualian Utama.

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

1. Apakah tentang produk ini?

Polisi komprehensif ini menyediakan pembayaran balik belanja yang dikenakan bagi penghospitalan dan pembedahan disebabkan oleh penyakit dan kemalangan. Polisi ini diperluaskan untuk melindungi kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal dan manfaat bersalin. Polisi ini juga termasuk pilihan deduktibel. Manfaat ini boleh dalam bentuk pembayaran balik perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh pemegang polisi, sekali bayar jumlah yang diinsuranskan atau pembayaran elaun.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda mempunyai pilihan untuk memperbaharui polisi setiap tahun tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat polisi.

JADUAL MANFAAT (Ringgit Malaysia)	PELAN BUKAN DEDUKTIBEL					
	PELAN 600	PELAN 500	PELAN 400	PELAN 300	PELAN 250	PELAN 150
SEKSYEN A – INSURANS BELANJA PERUBATAN						
1. Bilik Hospital dan Makan, maksimum harian sehingga 365 hari	600	500	400	300	250	150
2. Unit Rawatan Rapi	Seperti Yang Dicaaj (tertakluk kepada bayaran yang munasabah dan biasa diamalkan)					
3. Bekalan dan Khidmat Hospital						
4. Rundingan dan Diagnosis Pra-pembedahan, dalam masa 60 hari sebelum pembedahan						
5. Bayaran Pembedahan (Termasuk Bayaran Pakar Bius dan Bilik Bedah) dan Penjagaan Selepas Pembedahan sehingga 60 hari						
6. Rundingan Pakar Pra-hospital, dalam masa 60 hari sebelum kemasukan						
7. Ujian Diagnostik Pra-hospital, dalam masa 60 hari sebelum kemasukan						
8. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital, 2 lawatan sehari sehingga 120 hari						
9. Rawatan Selepas Penghospitalan, dalam masa 60 hari selepas tarikh keluar hospital						
10. Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari						

JADUAL MANFAAT (Ringgit Malaysia) – Sumbangan	PELAN BUKAN DEDUKTIBEL					
SEKSYEN A – INSURANS BELANJA PERUBATAN	PELAN 600	PELAN 500	PELAN 400	PELAN 300	PELAN 250	PELAN 150
11. Rawatan Pergiagaan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari	Seperti Yang Dicaaj (tertakluk kepada bayaran yang munasabah dan biasa diamalkan)					
12. Bayaran Ambulans						
13. Manfaat Penjaga Harian bagi Kanak-kanak yang Diinsuranskan						
14. Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar						
15. Pra-Pembedahan Rundingan (Pendapat Kedua), setiap hilang upaya	500	500	500	500	500	500
16. Bayaran Laporan Perubatan, setiap hilang upaya	100	100	100	100	100	100
17. Rawatan Kanser Pesakit Luar, setahun	80,000	70,000	60,000	50,000	40,000	30,000
18. Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, setahun	80,000	70,000	60,000	50,000	40,000	30,000
19. Transplan Organ, had seumur hidup	100,000	80,000	60,000	40,000	20,000	10,000
20. Rawatan Demam Denggi dan Demam Zika Pesakit Luar, setahun	1,000	800	600	500	400	300
21. Rawatan Penyakit Mental Dalam Hospital, setahun	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
22. Rawatan Perubatan Tradisional, setahun	600	500	400	300	200	100
23. Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, maksimum harian	300	250	200	150	100	50
24. Perbelanjaan Pengebumian	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Had Tahunan Keseluruhan*	650,000	600,000	450,000	350,000	300,000	200,000
Had Seumur Hidup	Yang Tiada Terhad					
Deduktibel Setiap Hilang Upaya	-	-	-	-	-	-
SEKSYEN B – MANFAAT KEMALANGAN DIRI						
Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	200,000	150,000	100,000	80,000	60,000	40,000
SEKSYEN C – MANFAAT BERSALIN						
Had Seumur Hidup, pada pembaharuan tahun kedua dan seterusnya	2,000	2,000	2,000	1,000	1,000	1,000

Anda mempunyai pilihan untuk memilih pelan deduktibel untuk premium tahunan yang lebih rendah.

JADUAL MANFAAT (Ringgit Malaysia)	PELAN DEDUKTIBEL					
Deduktibel Setiap Hilang Upaya	PELAN D600	PELAN D500	PELAN D400	PELAN D300	PELAN D250	PELAN D150
1. Item 1 hingga 20 di bawah Seksyen A adalah tertakluk kepada deduktibel	5,000					
2. Item 21 hingga 24 di bawah Seksyen A, Seksyen B dan Seksyen C tidak tertakluk kepada deduktibel						

***Tiada Tuntutan Bonus untuk Had Tahunan Keseluruhan**

Had Tahunan Keseluruhan akan meningkat sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada jumlah asalnya pada akhir setiap tahun, dengan syarat tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya, tertakluk kepada keseluruhan jumlah kenaikan tidak melebihi daripada seratus peratus (100%) daripada Had Tahunan Keseluruhan awal. Jika terdapat penurunan pelan atau kenaikan pelan (termasuk apa-apa perubahan dalam Pilihan Deduktibel), Tiada Tuntutan Bonus yang terkumpul tidak akan dibawa ke pelan yang disemak semula. Sebarang kenaikan berikutnya dalam Had Tahunan Keseluruhan akan berlaku pada akhir setiap satu (1) tahun dari tarikh berkuatkuasa penurunan pelan atau kenaikan pelan.

TAHUN / (Ringgit Malaysia)	PELAN 600 / D600	PELAN 500 / D500	PELAN 400 / D400	PELAN 300 / D300	PELAN 250 / D250	PELAN 150 / D150
1	650,000	600,000	450,000	350,000	300,000	200,000
2	715,000	660,000	495,000	385,000	330,000	220,000
3	780,000	720,000	540,000	420,000	360,000	240,000
4	845,000	780,000	585,000	455,000	390,000	260,000
5	910,000	840,000	630,000	490,000	420,000	280,000
6	975,000	900,000	675,000	525,000	450,000	300,000
7	1,040,000	960,000	720,000	560,000	480,000	320,000
8	1,105,000	1,020,000	765,000	595,000	510,000	340,000
9	1,170,000	1,080,000	810,000	630,000	540,000	360,000
10	1,235,000	1,140,000	855,000	665,000	570,000	380,000
11 Seterusnya	1,300,000	1,200,000	900,000	700,000	600,000	400,000

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Premium dibayar adalah berdasarkan umur pada ulang tahun berikutnya tetapi premium beban mungkin dikenakan bergantung kepada keperluan pengunderaitan Syarikat. Premium bagi risiko standard adalah seperti berikut:

JADUAL PREMIUM TAHUNAN (Ringgit Malaysia)

UMUR PADA HARIJADI BERIKUT	PELAN BUKAN DEDUKTIBEL					
	PELAN 600	PELAN 500	PELAN 400	PELAN 300	PELAN 250	PELAN 150
30 hari – 18 tahun	1,322	1,127	949	691	665	633
19 tahun – 25 tahun	1,475	1,266	1,074	742	716	684
26 tahun – 30 tahun	1,683	1,448	1,231	758	730	697
31 tahun – 35 tahun	1,728	1,485	1,262	778	749	714
36 tahun – 40 tahun	1,849	1,584	1,342	891	858	818
41 tahun – 45 tahun	1,865	1,599	1,354	905	872	832
46 tahun – 50 tahun	2,084	1,788	1,516	1,147	1,109	1,061
51 tahun – 55 tahun	2,154	1,849	1,569	1,229	1,189	1,140
56 tahun – 60 tahun	2,874	2,490	2,134	1,666	1,621	1,562
61 tahun – 65 tahun	4,070	3,543	3,053	2,554	2,493	2,412
66 tahun – 70 tahun	5,751	5,002	4,306	3,976	3,883	3,760
71 tahun – 75 tahun (pembaharuan sahaja)	6,918	6,041	5,223	4,832	4,729	4,587
76 tahun – 80 tahun (pembaharuan sahaja)	9,862	8,661	7,535	6,102	5,983	5,814
81 tahun – 90 tahun (pembaharuan sahaja)	11,530	10,146	8,844	8,760	8,606	8,382
91 tahun – 100 tahun (pembaharuan sahaja)	11,530	10,146	8,844	8,760	8,606	8,382

JADUAL PREMIUM TAHUNAN (Ringgit Malaysia)						
UMUR PADA HARIJADI BERIKUT	PELAN DEDUKTIBEL					
	PELAN D600	PELAN D500	PELAN D400	PELAN D300	PELAN D250	PELAN D150
30 hari – 18 tahun	992	846	712	588	565	538
19 tahun – 25 tahun	1,106	949	805	631	609	582
26 tahun – 30 tahun	1,263	1,086	924	644	621	593
31 tahun – 35 tahun	1,296	1,114	947	661	636	607
36 tahun – 40 tahun	1,387	1,188	1,006	757	729	695
41 tahun – 45 tahun	1,399	1,199	1,016	770	741	707
46 tahun – 50 tahun	1,563	1,341	1,137	975	942	902
51 tahun – 55 tahun	1,615	1,387	1,177	1,045	1,011	969
56 tahun – 60 tahun	2,156	1,867	1,600	1,416	1,378	1,328
61 tahun – 65 tahun	3,053	2,658	2,290	2,171	2,119	2,050
66 tahun – 70 tahun	4,313	3,752	3,230	3,379	3,301	3,196
71 tahun – 75 tahun (pembaharuan sahaja)	5,189	4,531	3,917	4,107	4,019	3,899
76 tahun – 80 tahun (pembaharuan sahaja)	7,397	6,496	5,651	5,187	5,085	4,942
81 tahun – 90 tahun (pembaharuan sahaja)	8,648	7,609	6,633	7,446	7,316	7,124
91 tahun – 100 tahun (pembaharuan sahaja)	8,648	7,609	6,633	7,446	7,316	7,124

Terma Pembayaran: Tunai Sebelum Lindung

Premium pembaharuan tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula kadar premium pada masa pembaharuan. Pelarasan tersebut, jika ada, akan terpakai kepada semua pemegang polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan mereka sesuai dengan penilaian risiko dengan mengambil kira nisbah kerugian dan sebarang faktor-faktor lain yang mungkin menjejaskan kemampuan produk. Sebarang semakan premium akan dimaklumkan kepada pemegang polisi itu secara bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pembaharuan. Adalah penting bagi pemegang polisi untuk menerima dan menyimpan resit daripada Syarikat sebagai bukti pembayaran premium.

4. Selain daripada premium, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?	
Komisen yang dibayar kepada agen (termasuk di dalam Premium Kasar)	15% daripada Premium Kasar
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan (bukan individu)	6% daripada Premium Kasar

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Pentingnya Pendedahan

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk diri sendiri/keluarga/tanggungannya, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam borang cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk memberi manfaat insurans perubatan kepada pekerja dan tanggungannya mereka, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam borang cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Pengeluaran Polisi

Syarikat hanya akan mengeluarkan polisi apabila semua dokumen diterima dalam keadaan lengkap.

Deduktibel Setiap Hilang Upaya

Deduktibel dinyatakan di dalam jadual manfaat adalah jumlah perbelanjaan anda yang akan menanggung mana-mana satu hilang upaya yang timbul daripada sebab yang sama. Ini bermakna bahawa semua perbelanjaan yang ditanggung bagi mana-mana satu hilang upaya, yang termasuk semua komplikasi dan dirawat di hospital kerana hilang upaya ini, akan tertakluk kepada deduktibel dan hanya jumlah perbelanjaan melebihi deduktibel akan dibayar oleh polisi ini. Walau bagaimanapun jika anda benar-benar pulih dan kekal bebas daripada rawatan lanjut bagi hilang upaya itu selama sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari dari tarikh terakhir keluar hospital, hilang upaya berikutnya akibat daripada sebab yang sama hendaklah dianggap sebagai hilang upaya baru dan perbelanjaan baru akan tertakluk kepada deduktibel. Deduktibel hanya berkenaan untuk manfaat tertentu di bawah insurans perbelanjaan perubatan dan tidak boleh berkenaan untuk manfaat kemalangan diri dan bersalin.

Tempoh Bertenang

Jika polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa-apa alasan orang yang diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil polisi itu, orang yang diinsuranskan itu boleh mengembalikan polisi itu kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan diserahkan oleh orang yang diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan polisi. Orang yang diinsuranskan itu layak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar tolak belanja perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan polisi tersebut.

Tempoh Layak atau Tempoh Tangguh

Kelayakan untuk manfaat dibawah polisi ini akan mula tiga puluh (30) hari selepas tarikh berkuatkuasa polisi, kecuali untuk kemalangan. Kecuali dibaharui, perlindungan ini akan tamat pada tarikh tamat tempoh dan Syarikat akan sangat tidak akan bertanggungjawab atas setiap perbelanjaan yang berlaku selepas tarikh tamat tempoh.

Bayaran Bersama Bilik dan Makan Dinaikkan

Anda akan perlu membayar 20% daripada kos yang layak jika anda dirawat di hospital dengan bilik dan makanan pada kadar yang diumumkan yang lebih tinggi daripada manfaat yang anda layak.

Pembaharuan sehingga Umur Seratus (100) pada Harijadi berikutnya

Polisi ini boleh diperbaharui setiap tahun mengikut pilihan pemegang polisi sehingga umur seratus (100) dan umur kemasukan terakhir adalah tujuh puluh (70) tahun. Namun, produk boleh ditarik balik dari pasaran menurut Syarat Penarikan Balik Portfolio.

Pelan Perlindungan Ditingkatkan

Permohonan untuk menaikkan ke pelan yang lebih tinggi hanya boleh dilakukan pada pembaharuan dan tertakluk kepada pengunderaitan dan penerimaan oleh Syarikat pada pembaharuan.

Tempoh Ihsan

Meskipun terdapat Syarat Tunai Sebelum Perlindungan, Tempoh Ihsan empat belas (14) hari selepas tarikh tamat tempoh hendaklah diberikan kepada pemegang polisi bagi pembayaran apa-apa premium selepas tahun polisi pertama. Jika mana-mana premium tidak dibayar untuk polisi ini atau untuk apa-apa kontrak tambahan sebelum akhir Tempoh Ihsan, polisi ini dan kontrak tambahan yang berkaitan hendaklah dianggap sebagai tamat pada tarikh tamat tempoh polisi. Walaupun pembayaran dibuat semasa tempoh ihsan apa-apa hilang upaya yang berlaku semasa tempoh dari tarikh tamat tempoh kepada tarikh bayaran tidak akan dibayar.

6. Bolehkan saya memilih untuk dirawat di luar negara?

Polisi ini memberi perlindungan semasa di dalam perjalanan atau semasa tinggal di luar negara tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut. Namun tiada manfaat akan dibayar jika niat anda adalah untuk mencari rawatan di luar negara sedangkan rawatan boleh diperolehi di tempatan kecuali di tempat itu kerana keadaan kecemasan perubatan atau atas cadangan daripada seorang pakar perubatan perlu dipindahkan ke hospital di luar Malaysia kerana sifat khas perubatan, bantuan, maklumat atau keputusan yang tidak dapat diberikan atau disediakan atau diambil di Malaysia.

Rawatan di luar negara bagi sesuatu penyakit atau kecederaan yang didiagnosis di Malaysia dan keadaan bukan kecemasan atau kronik di mana rawatan boleh ditunda sampai kembali ke Malaysia tidak dilindungi.

Anda boleh memohon untuk memperluaskan polisi anda bagi merangkumi rawatan elektif di Singapura dan Brunei dengan membayar premium beban seperti yang dikenakan oleh Syarikat.

7. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?

Penyakit sedia ada.

Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula bagi orang yang diinsuranskan mengikut mana-mana yang terakhir kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan.

Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.

Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh insurans.

Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.

Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketaksuburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan.

Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.

Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.

Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.

Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear.

Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh orang yang diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya.

Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba,urut atau aromaterapi atau rawatan pilihan yang lain.

Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi orang yang diinsuranskan dan hilang upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja.

Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).

Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.

Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.

Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.

Belanja yang ditanggung untuk menukar jantung.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Syarikat. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan sejumlah bayaran balik premium dengan syarat anda tidak membuat tuntutan keatas polisi.

<u>Tempoh</u>	<u>Pembayaran Balik Premium Tahunan untuk Polisi tanpa Diskaun Keluarga</u>	<u>Pembayaran Balik Premium Tahunan untuk Polisi dengan Diskaun Keluarga</u>
Tidak melebihi 15 hari	90% (hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja)	75% (hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja)
Tidak melebihi 1 bulan	80%	65%
Tidak melebihi 2 bulan	70%	55%
Tidak melebihi 3 bulan	60%	45%
Tidak melebihi 4 bulan	50%	35%
Tidak melebihi 5 bulan	40%	25%
Tidak melebihi 6 bulan	30%	15%
Tidak melebihi 7 bulan	25%	10%
Tidak melebihi 8 bulan	20%	5%
Tidak melebihi 9 bulan	15%	Tiada bayaran balik premium
Tidak melebihi 10 bulan	10%	Tiada bayaran balik premium
Tidak melebihi 11 bulan	5%	Tiada bayaran balik premium
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium	Tiada bayaran balik premium

9. Bagaimana saya membuat tuntutan?

Bayar dulu dan failkan tuntutan anda kepada Syarikat tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari dari hilang upaya yang melibatkan belanja boleh tuntutan dengan menyerahkan dokumen sokongan tuntutan berikut:

- i. borang tuntutan yang lengkap
- ii. laporan perubatan yang asal
- iii. invoice hospital atau bil perubatan yang asal
- iv. resit rasmi yang asal
- v. surat rujukan dari pengamal perubatan, jika ada
- vi. apa-apa bukti atau dokumen tuntutan lain
- vii. Borang Kebenaran e-Bayaran

Adalah menjadi tanggungjawab anda dalam membuat tuntutan terhadap polisi.

10. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi?

Adalah penting bahawa anda memberitahu IHM Risk Management Sdn Bhd atau Syarikat tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Perubatan dan Kesihatan', yang boleh didapati di mana-mana cawangan Syarikat atau lawati www.insuranceinfo.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain atau ingin memberikan maklum balas atau membuat aduan, sila hubungi:

IHM Risk Management Sdn Bhd
12 Jalan PJS 8/6, Sunway Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5638 6889 Faks: 03-5638 6879
Emel: support@ihm.com.my
Lamanweb: www.ihm.com.my

atau

The Pacific Insurance Berhad
40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1-800-88-1629
Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my
Lamanweb: www.pacificinsurance.com.my

Anda juga boleh menghubungi berikut untuk mendapatkan maklumat lanjut, pertanyaan atau jika aduan tersebut tidak dapat diselesaikan:

Director
Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10992
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEYAKINKAN DIRI ANDA BAHAWA POLISI INI DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA SERTA BAYARAN PREMIUM DI BAWAH POLISI INI MAMPU DITANGGUNG ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN PELANGGAN IHM RISK MANAGEMENT SDN BHD ATAU BERHUBUNG TERUS DENGAN THE PACIFIC INSURANCE BERHAD UNTUK MAKLUMAT LEBIH LANJUT.

Informasi yang disediakan di dalam risalah pemberitahuan produk ini sah berkuatkuasa dari tarikh 1 September 2019. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Underwritten by:

Diunderait oleh:

PACIFIC INSURANCE

A member of the Fairfax Group

The Pacific Insurance Berhad (91603-K)

**(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia /
Dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)**

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998

Website: www.pacificinsurance.com.my

Email: customerservice@pacificinsurance.com.my

Distributed by:

Diedarkan oleh:



IHM Risk Management Sdn Bhd (600819-D)

PIAM Registered Agent of The Pacific Insurance Berhad /

Agen Berdaftar PIAM The Pacific Insurance Berhad

12, Jalan PJS 8/6 Sunway Mentari

46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5638 6889 Fax: 03-5638 6879

Website: www.ihm.com.my

Email: support@ihm.com.my

Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA") Notification to customers of The Pacific Insurance Berhad ("TPIB")

Under the PDPA, there are various requirements that regulate the processing of your personal data. Please refer to www.pacificinsurance.com.my for details of TPIB PDPA privacy notice.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") Pemberitahuan kepada pelanggan The Pacific Insurance Berhad ("TPIB")

Dibawah APDP, terdapat pelbagai syarat yang mengawal pemprosesan data peribadi. Sila rujuk di www.pacificinsurance.com.my untuk maklumat terperinci notis privasi TPIB APDP.